

## BAB KEENAM

# **PEMINJAMAN DI DALAM AL-QURĀN**

BAB 6: PEMINJAMAN DI DALAM AL-QURĀN.

---

Al-Qurān adalah kalamullah dan merupakan mu‘jizat yang terbesar kepada junjungan kita nabi besar Muhammad s.a.w., al-Qurān juga merupakan marji‘ (*tempat rujuk*) utama dan asasi bagi menentukan hukum-hukum syara‘. Selain itu al-Qurān juga menjadi miqyas (*neraca*) utama kesahihan dan kefasihan bahasa Arab, kebetulan ianya diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada nabi Muhammad s.a.w. di dalam bahasa Arab. Ini dijelaskan oleh Allah dengan firmannya;

”إِنَّا أَنزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا... الْآيَةٌ“.

Yang bermaksud: (*Sesungguhnya kami turunkan al-Qurān itu untuk dibaca dalam bahasa Arab*).

Walaupun ianya diturunkan dengan bahasa Arab tetapi terdapat di dalamnya perkataan-perkataan pinjaman yang dipinjam dari berbagai bahasa.

Dalam menentukan perkataan pinjaman di dalam al-Qurān terdapat perselisihan pendangan di kalangan ahli linguistik, ahli gramatika dan para ulama.

Untuk menjelaskan perkara ini dan untuk memudahkan kajian maka ianya dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti mana berikut:-

### 6-1: SEBAB-SEBAB BERLAKUNYA PEMINJAMAN DI DALAM AL-QURĀN.

---

Pengaruh mempengaruhi di antara satu bahasa dengan bahasa yang lain adalah merupakan perkara yang lumrah telah terjadi kepada berbagai bahasa di dunia ini.

Semenanjung Tanah Arab adalah berjiran dengan negara-negara lain atau para penduduknya melakukan perhubungan dengan penduduk-penduduk negara di sekitarnya sama ada melalui perniagaan atau sebagainya. Oleh itu bukanlah merupakan satu perkara yang ganjil bahasa Arab telah dipengaruhi oleh bahasa-bahasa di sekitarnya seperti bahasa Arāmiyat, bahasa Habsyi, bahasa Farsi dan lain-lain.

Bahasa Arāmiyat dengan berbagai dialeknya merebak dengan luasnya ke negara-negara Arab seperti Palestin, Syria dan setengah-setengah kawasan di Iraq. Orang-orang Farsi ianya berjiran dengan orang-orang Arāmiyat dan orang-orang Arab di Iraq, oleh itu bahasa Farsi begitu kuat sekali merebak ke Semenanjung Tanah Arab terutama di sebelah selatan. Bahasa Habsyi pula merebak dengan luasnya di sebelah utara semenanjung Tanah Arab. Dengan sebab kejiranannya dengan negara disekeliling inilah maka berlakunya pengaruh mempengaruhi dan pinjam meminjam di antara bahasa Arab dengan bahasa-bahasa di sekelilingnya.<sup>(2)</sup>

Perdagangan dan perniagaan juga merupakan antara sebab berlakunya peminjaman di antara bahasa-bahasa. Para peniaga dari Makkah umpamanya melakukan perniagaan dengan orang-orang Aramiat di Damsyik , dengan orang-orang Farsi di Hirat dan Madain, dengan orang-orang Saba<sup>3</sup> dan Himyar di Yaman. Dengan ini berlakulah peminjaman setengah perkataan dari bahasa-bahasa tersebut ke dalam bahasa Arab melalui para peniaga dan pedagang.<sup>(3)</sup>

Penaklukan ke atas sesebuah negara juga menyebabkan terjadinya peminjamam , semasa orang-orang Yunan menakluki Syam, bahasa Yunan telah menjadi bahasa rasmi pentadbiran, perkara ini sama juga berlaku di sebelah Barat Laut Semenanjung Tanah Arab.<sup>(4)</sup>.

Sebagai contoh kata pinjaman yang berlaku pada istilah-istilah pentadbiran ialah :-

الْدِيْوَان (al-diwan)

الرِّزْق (al-rizq)

الْفَرْسَخ (al-farsakh)

الْدُّهْقَان (al-duhquan)

Semua perkataan-perkataan ini berasal dari bahasa Farsia.

Manakala perkataan pinjamam yang berhubung dengan istilah-istilah ugama ialah:-

الْدِين (al-din)

الجَنَّةُ (al-Jannat)

الْمَجْوُسُونَ (al-majūs)

الثَّيْرُونَ (al-nairūz)

Perkataan ini juga berasal daripada bahasa Farsi.

Perkataan-perkataan seperti:-

الْمُنَافِقُونَ (al-munāfiqūn)

الْحَوَارِيُّونَ (al-hawāriyyūn)

الْبُرْهَانُ (al-burhān)

الْمُفْتَحُ (al-muṣḥaf)

Semuanya berasal daripada bahasa Habsyi.

Perkataan النَّاطِرُ (al-faṭr) tidak memberi erti (*Kejadian*) kecuali setelah datangnya al-Qurān, sedangkan ianya telah lumrah dengan pemakaian makna ini di dalam bahasa Farsi iaitu bahasa asalnya.

Boleh jadi kerana yang demikianlah Ibn ‘Abbas tidak mengetahui makna kalimah فَاطِرُ (fāṭir) sebagaimana beliau telah berkata maksudnya: (*Aku Tidak mengetahui apa maksud pada firman Allah s.w.t.*

(٥) ( فَاطِرُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ... الآية )

*Kecuali setelah datang kepadaku dua orang badwi yang berkelahi mengenai sebuah perigi yang mana telah berkata salah seorang daripadanya "Akulah yang membuatnya")* (٦)

Dengan berlakunya kisah ini fahamlah Ibn ‘Abbas bahawa perkataan فَاطِرُ (fāṭir) dalam ayat tersebut

bermakna penjadi atau pencipta.

Di antara sebab juga ialah penjelajahan para peniaga Arab ke negara-negara lain seperti yang dilakukan oleh orang-orang Quraisy pada dua musim iaitu musim sejuk dan musim panas. Di kalangan orang-orang yang musafir itu terdapat ahli linguistik dan gramatika Arab , seperti Abū Ḩāfiẓ Amrū yang berhijrah ke Syam, Saidina Umar al-Khaṭṭāb, Ḥāfiẓ Amrū Ibn al-Ḥāfiẓ dan Amārat̄ Ibn al-Walīd ke Habsyah, manakala al-Asya pula berhijrah ke Hirat. <sup>(7)</sup>

Ini semua membawa kepada berlakunya peminjaman perkataan asing yang dibawa masuk oleh orang-orang Arab sendiri ke dalam bahasa mereka. Mereka menggunakan perkataan pinjaman di dalam percakapan harian sehingga ke dalam syair-syair mereka dengan cara mengubah bentuk-bentuk perkataan pinjaman bagi disesuaikan dengan selera bahasa Arab sehingga setengah-setengah perkataan tersebut menjadi seperti kalimah Arab yang fasih. Dalam keadaan suasana dan lingkungan beginilah turunnya al-Qurān yang menyebabkan terdapat di dalamnya perkataan pinjaman . Kejahilan setengah daripada orang Arab mengenai makna bagi kalimah pinjaman di dalam al-Qurān ialah dengan sebab ianya kata pinjaman yang mereka belum mengetahuiya.

6-2: PERBEZAAN PENDAPAT DI KALANGAN AHLI GRAMATIKA  
 DAN LINGUISTIK ARAB MENGENAI BERLAKU ATAU TIDAKNYA  
 PEMINJAMAN DI DALAM AL-QURAN.

Sebelum tamat kurun yang kedua Hijrah timbul perbezaan pendapat di kalangan ahli-ahli gramatika dan linguistik Arab dan juga para fuqahā<sup>3</sup> mengenai sama ada berlaku atau tidaknya peminjaman di dalam al-Qurān.<sup>(8)</sup>

Mereka ini terbahagi kepada tiga golongan, setiap golongan mempunyai pendapat yang berbeza dan masing-masing mempunyai hujah dan bukti untuk menguatkan kata-kata mereka.

6-2-1: Tidak harus berlakunya peminjaman di dalam al-Qurān.

Golongan pertama ialah golongan ahli-ahli gramatika, linguistik dan para ulama yang berpendapat tidak berlakunya sebarang peminjaman kata asing di dalam al-Qurān, bahkan al-Qurān itu suci dari segala bentuk atau unsur-unsur peminjaman.

Antara mereka yang berpendapat seperti ini ialah Ma'mar bin al-Muthanna, Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Tabariy, Al-Qādi Abū Bakr bin al-Tayyib, Abū

al-Ḥusain bin Fāris al-Lughawiy, al-Imām Muḥammad bin Idrīs al-Syāfi‘iy dan lain-lain lagi.<sup>(9)</sup>.

Untuk membuktikan kesahihan pandangan dan pendapat mereka, berbagai hujah dan dalil telah dikemukakan, antaranya ialah oleh kerana al-Qurān itu diturunkan dengan bahasa Arab maka mengikut hukum syara<sup>\*</sup> ianya tidak boleh dibaca kecuali di dalam bahasa Arab. Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّا أَنزَلْنَاهُ فِرْقًا عَرَبِيًّا ... الْآيَةٌ .<sup>(10)</sup>

Yang bermaksud: (*Sesungguhnya kami (Allah) turunkan al-Qurān itu untuk dibaca dengan Bahasa Arab*).

Dan Allah berfirman lagi :

وَلَمْ يَجْعَلْنَا هُنَّا كَأَنْجِيلِيَا لَقَالُوا لَوْلَا تَعَلَّمَتْ آيَاتِهِ أَعْجَمِيًّا وَعَرَبِيًّا .<sup>(11)</sup>  
Yang bermaksud (*Dan jika lau kami (Allah) jadikan al-Qurān satu bacaan dalam bahasa selain bahasa Arab tentu mereka mengatakan "mengapa tidak dijelaskan ayat-ayatnya, apakah patut al-Qurān dari bahasa asing sedangkan rasul adalah orang Arab"*).

Allah berfirman lagi:

يَلِسَانٌ عَرَبِيٌّ مُّبِينٌ ... الْآيَةٌ .<sup>(12)</sup>

yang bermaksud: (*(Ia diturunkan) dengan bahasa Arab yang terang nyata*).

Ketiga-tiga ayat al-Qurān itu menunjukkan tidak ada di dalam al-Qurān perkataan pinjaman, bahkan semua perkataan di dalamnya adalah dari bahasa Arab yang fasih dan terang nyata.

Selain daripada ayat-ayat di atas menunjukkan tidak ada kata pinjaman di dalam al-Qurān, Allah s.w.t. telah meletakkan al-Qurān itu sebagai mu‘jizat bagi Nabi s.a.w. yang menunjuk kebenaran kenabian Nabi s.a.w..

Begitu juga al-Qurān telah mencabar sesiapa saja supaya membawa datang atau menyusun satu ayat sahaja seperti al-Qurān, tetapi ternyata mereka lemah dan tidak mampu melakukannya walaupun satu ayat.

Oleh yang demikian jika ada kata pinjaman dari bahasa-bahasa lain di dalam al-Qurān, nescaya cabaran Allah s.w.t. terhadap mereka tidak berfaedah, kerana mereka akan berhujah dengan mendakwa lemahnya mereka untuk menyusun ayat-ayat bagi menandingi al-Qurān di sebabkan al-Qurān itu mengandungi bahasa asing yang dipinjam yang mereka sendiri tidak mengetahui langsung tentang perkataan tersebut sama ada dari sudut pemakaian ataupun maknanya.<sup>(13)</sup>

Golongan ini juga berhujah dengan mengatakan jika berlakunya peminjaman di dalam al-Qurān nescaya tidak ada

bukti bagi mereka yang berpendapat harusnya membaca al-Qurān dengan bahasa Farsi semasa sembahyang kerana apa yang telah diterjemah itu bukan lagi mu‘jizat, jika harus pada yang demikian itu nescaya haruslah di dalam sembahyang itu membaca al-Qurān yang telah ditafsir kepada mana-mana bahasa dan perkara ini tidak ada seorang ulama pun yang mengatakan ianya harus. Walaupun ada setengah riwayat menyatakan bahawa al-Imām Abū Ḥanīfah pada satu ketika pernah mempetuakan harus dan sah sembahyang seseorang dengan membaca al-Qurān dalam bahasa Farsi tetapi telah jelas beliau menarik balik dan membatal pendapatnya itu.<sup>(14)</sup>.

Abū ‘Ubida Ma‘mar bin al-Muthanna mengingkari adanya perkataan pinjaman di dalam al-Qurān dengan kata-katanya yang masyhur:

(مَنْ رَأَمَ أَنْ فِي الْقُرْآنِ لِيُسْكُنَ سَوْىَ الْعَرَبِيَّةِ فَقَدْ أَغْنَمَ عَلَى اللَّهِ الْقَوْنِ )<sup>(15)</sup>  
Yang bermaksud: (Sesiapa yang menyangka adanya kata pinjaman di dalam al-Qurān bererti ianya telah melakukan sesuatu perkara yang amat besar terhadap Allah s.w.t.).

Al-Imām al-Syāfi‘iy pula berkata di dalam kitabnya al-Risālat. (Dan sesungguhnya ada orang yang membicarakan (mengatakan) persoalan ini (persoalan peminjaman), jika mereka tidak membicarakan mengenainya adalah lebih baik dan selamat.

Ada juga di kalangan mereka (ulama dan ahli linguistik) yang menyokong adanya peminjaman, bahawa di dalam al-Qurān itu kalimahnya ada yang terdiri daripada bahasa Arab dan ada pula yang bukan bahasa Arab. Sedangkan Al-Qurān itu sendiri telah menunjukkan tidak ada di dalamnya selain daripada kalimah bahasa Arab. Kita dapati mereka menerima hanya secara taqlid dan dengan membiarkan masalah ini begitu sahaja tanpa memberi apa-apa hujah). <sup>(16)</sup>

Kata-kata ini menunjukkan al-Imām al-Syāfi‘iy begitu kuat sekali tidak bersetuju dengan pendapat mereka yang mengatakan adanya kata pinjaman di dalam al-Qurān.

Ibn Jarīr al-Tabariy berkata (Apa yang diriwayatkan daripada Ibn ‘Abbas dan juga daripada ulama lain pada mentafsirkan bahawa ada di dalam al-Qurān itu kalimah dari bahasa-bahasa lain umpamanya dari bahasa Farsi, bahasa Habsyi, bahasa Nabṭi dan sebagainya, sebenarnya ia adalah bahasa atau kalimah yang sama yang dipertuturkan oleh berbagai-bagai bangsa iaitu apa yang dinamakan "Lughat al-Isytirāk" dengan erti bahawa kalimah-kalimah itu tidak boleh disandarkan kepada mana-mana bangsa.

Oleh kerana itu, adanya sesuatu kalimah itu di dalam bahasa lain tidak bererti kalimah itu tidak boleh ada di

dalam bahasa Arab dan ianya juga tidak boleh dinamakan bahasa yang dipinjam kepada bahasa Arab<sup>17</sup>.

Inilah di antara bukti-bukti dan hujah-hujah bagi mereka yang berpendapat tidak berlakunya peminjaman di dalam al-Qurān.

#### 6-2-2: Harus berlakunya peminjaman di dalam al-Qurān.

---

Golongan kedua ialah golongan ahli-ahli linguistik, ahli-ahli gramatika dan juga ulama-ulama yang berpendapat harus berlakunya peminjaman perkataan asing ke dalam al-Qurān atau dengan kata lain terdapat di dalam al-Qurān itu perkataan-perkataan pinjaman yang dipinjam daripada bahasa-bahasa lain.

Antara mereka yang mendukung pendapat ini ialah Ibn 'Abbās, Mujāhid, 'Akramah, Ibn Jubair, al-'Atā, Ibn Abī Syaibah, al-Tha'labiy, Ibn Naqīb al-Khuwayyiy dan lain-lain lagi.<sup>18</sup>

Mereka juga berhujah dengan beberapa dalil dan pendapat, di antaranya dengan melihat kepada bentuk perkataan itu sendiri yang ianya jelas bukan daripada bahasa Arab, sebagai contoh perkataan berikut:

إِسْتَبْرَق (istabraq), daripada bahasa Farsi.  
 سِجِيل (sijjil) daripada bahasa Farsi.  
 أَبَرِيق (abāriq) daripada bahasa Farsi.  
 مِشْكَة (misykāt) daripada bahasa Habsyi.  
 سُنْدُس (sundus) daripada bahasa Hindi.  
 آسْفَار (asfār) daripada bahasa Nabṭi.  
 أَبْ (abb) daripada bahasa Barbari.  
 غَسَّاق (ghassaq) daripada bahasa Turki.

Oleh kerana adanya perkataan-perkataan seperti di atas maka ianya menunjukkan berlakunya peminjaman dalam al-Qur'an.

Para pendukung pendapat ini juga mengatakan bahawa para ulama dari kalangan sahabat Rasulullah s.a.w. seperti Ibn 'Abbas, 'Akramah dan al-Mujāhid lebih mengetahui tentang pentakwilan makna-makna bagi perkataan-perkataan di dalam al-Qur'an kalau dibandingkan dengan Abū 'Ubaidah yang tidak menyokong pendapat ini.<sup>(19)</sup>

Golongan ini juga berpendapat bahawa terdapat di kalangan orang Arab yang menggunakan kata pinjaman dalam percakapan mereka, kadang-kadang dengan mengubah bentuk perkataan atau dengan menukar huruf-huruf sehingga sesuai dengan bahasa Arab dan jadilah perkataan tersebut

tertakluk kepada kaedah bahasa Arab.

Pendapat ini juga dipersetujui oleh al-Imām al-Sayūṭiy. Beliau bersandarkan kepada satu hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Jarīr daripada Abū Maisarah. Rasulullah s.a.w. bersabda;

( فِي الْقُرْآنِ مِنْ كُلِّ لِسَانٍ - الْحَدِيثُ )  
yang bermaksud (*Di dalam al-Qurān itu terdapat perkataan dari berbagai lisan*).

Hadith ini juga diriwayatkan dengan makna yang sama oleh Saīd Bin Jubair dan Wahab Bin Munabbih.<sup>(20)</sup>

Di dalam masalah ini Ibnu Naqīb pula menjelaskan dengan katanya "Di antara keistimewaan al-Qurān kalau dibandingkan dengan kitab-kitab lain yang diturunkan oleh Allah s.w.t. bahawa ianya diturunkan dengan bahasa bangsa yang diturunkan kepada mereka al-Qurān "<sup>(21)</sup>.

Nabi Muhammad s.a.w. adalah diutuskan kepada semua kaum atau bangsa di dunia ini sebagaimana firman Allah s.w.t. ;

( وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمَهُ ... الْآيَةُ )<sup>(22)</sup>.  
Yang bermaksud (*Dan kami tidak mengutuskan seorang rasul itu melainkan dengan bahasa kaumnya*). oleh yang demikian adanya perkataan-perkataan pinjaman di dalam al-Qurān itu

adalah perkara yang semestinya.<sup>(23)</sup>

Pandangan ini juga sama dengan apa yang dipegang oleh al-Qādi Abū al-Ma‘āli ‘Azīzi Bin‘Abd al-Malik yang mana beliau berpendapat, adanya perkataan pinjaman dalam al-Qurān itu ialah kerana bahasa Arab merupakan bahasa yang paling luas penggunaannya dan paling banyak perkataannya. Oleh itu berkemungkinan bahasa Arab ini dahulunya telah digunakan oleh bangsa-bangsa lain sebelum turunnya al-Qurān dan Rasulullah s.a.w. diutuskan umum kepada semua kaum dan bangsa.<sup>(24)</sup>

Ibn ‘Atīyyah telah menolak apa yang dikatakan oleh al-Imām al-Tabariy bahawa ada kalanya kedua-dua bahasa itu sama pada menguna sesuatu lafaz tetapi berlainan makna, dengan erti bukan berlaku pinjam meminjam tetapi kedua-duanya adalah bahasa asal mereka. Kata Ibn ‘Atīyyah "ini jauh sekali daripada yang sebenar, bahkan mesti satu daripadanya bahasa asal manakala satu lagi adalah bahasa pinjaman kepada mereka, walaupun kita tidak menolak berlakunya tetapi jarang sekali terjadi".<sup>(25)</sup>

Beliau menambah lagi bahawa ahli gramatika dan ahli linguistik Arab telah berkomunikasi dengan berbagai-bagai bangsa, umpamanya di kala mereka menjalankan perniagaan dengan bangsa di sekeliling negara mereka.

Sebagai contoh, pengembaraan Abū ‘Amrū ke Syam, pengembaraan Saidina ‘Umar al-Khaṭṭāb, ‘Amru Bin al-‘Ās dan ‘Ammārat Bin al-Walīd ke Habsyah, pengembaraan al-‘Asya ke Hirat. Mereka ini merupakan pakar-pakar bahasa Arab dan mereka menggunakan perkataan-perkataan pinjaman dengan mengubahsuakannya mengikut tabiat bahasa Arab yang fasih. Di dalam keadaan begini turunnya al-Qurān. <sup>(26)</sup>

Di dalam menjelaskan pada firman Allah s.w.t.yang berbunyi;

( إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِرْقَاتًا عَرَبِيًّا ... اِلَيْهِ . ) <sup>(27)</sup>.

yang bermakdsud ; (*Sesungguhnya kami turunkan al-Qurān itu untuk dibaca dalam bahasa Arab*), golongan ini berpendapat perkataan pinjaman di dalam al-Qurān tidak bererti al-Qurān itu bukan bahasa Arab. Dengan kata lain, adanya beberapa perkataan pinjaman di dalam al-Qurān tidak menafikan maksud ayat di atas, sebagaimana dinamakan "al-Qāsīdah" ianya disusun dengan bahasa Farsi walau terdapat di dalamnya perkataan bukan bahasa Farsi tetapi ianya masih dinamakan "al-Qāsīdah".

Mereka juga berhujah dengan mengatakan ahli gramatika Arab telah sepakat bahawa "mamnu‘ min al-sarf" pada perkataan (*Ibrāhīm*) kerana ianya isim 'alam dan

**c**ajam atau ianya kata pinjaman dan perkataan ini terdapat di dalam al-Qurān.<sup>(28)</sup>

Dengan bukti-bukti , hujah-hujah dan pendapat di ataslah mereka ini mengatakan berlakunya peminjaman di dalam al-Qurān.

#### 6-2-3: Golongan yang berpendapat secara sederhana.

Golongan ketiga ialah golongan ahli-ahli linguistik, ahli-ahli gramatika dan ulama yang menggabungkan kedua-dua pendapat di atas dengan menyatakan kedua-duanya adalah benar.

Ibn Fārisī menceritakan daripada Abū Ubaid al-Qāsim Bin Salām, beliau berkata mengenai berbezaan pendapat ini "Golongan yang mengatakan berlakunya peminjaman di dalam al-Qurān kebanyakannya terdiri dari kalangan para fuqahā", manakala mereka yang berpendapat tidak adanya kata pinjaman di dalam al-Qurān adalah setengahnya terdiri dari ahli linguistik".

Beliau menambah lagi "Apa yang benar pada pandangan saya ialah dengan membentur dan bersetuju dengan kedua-dua pendapat di atas, kerana huruf-huruf dan perkataan yang dipinjam ke dalam bahasa Arab sudah pasti ianya huruf dan perkataan asing sebagaimana yang dikatakan oleh setengah fuqahā tetapi setelah masuk ke dalam bahasa Arab, gaya

bertuturannya diubah mengikut gaya pertuturan bahasa Arab dan perkataan pinjaman itu juga setengahnya diubah menjadi bentuk wazan (pola) perkataan Arab. Hasilnya, sesiapa berpendapat semua perkataan di dalam al-Qur'an itu perkataan bahasa Arab maka pendapatnya betul dan sesiapa yang berpendapat terdapat perkataan pinjaman di dalam al-Qur'an maka pendapatnya juga betul".<sup>(29)</sup>

Pendapat ini juga didukung bersama oleh ahli-ahli gramatika dan juga ahli linguistik Arab seperti Abū Mansūr Ma'ān bin Ahmad al-Jawāliqiy , Ibn al-Jauzi Ibn Fāris, Ibn Jarīr dan lain-lain lagi.<sup>(30)</sup>.

Kalangan pendukung pendapat ini cuba mentafsirkan dengan mengatakan kedua-dua pendapat di atas adalah betul untuk mengelakkan daripada adanya orang yang cuba memburuk-burukkan mana-mana ulama dan fuqahā' atau menuduh mereka sebagai jahil dan supaya tidak ada dari kalangan manusia yang syak terhadap mana-mana ulama dengan mengatakan mereka melampaui atau mendahului apa yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. berkenaan apa yang terkandung di dalam al-Qur'an, kerana para ulama yang mungkin serta dengan kelebihan ilmu yang ada pada mereka lebih mengetahui bagaimana cara mentakwil dan akhlaq mereka adalah begitu tinggi serta kuat pada mengagungkan al-Qur'an kalau dibandingkan dengan manusia lain.

Ibn Fāris telah berkata " Bukanlah semua orang yang menyalahi pendapatnya itu boleh dianggap sebagai jahil kerana sesungguhnya sejak dahulu lagi berlaku perselisihan pendapat khususnya bagi setengah-setengah ayat al-Qurān." (31).

Setengah kalangan mereka berpegang dengan sesuatu pendapat dan ada pula yang berpegang dengan pendapat yang lain kerana mengikut ijtihad yang mereka lakukan.

Setelah kita memerhatikan kepada ketiga-tiga pendapat di atas, kita dapat mengetahui bagaimana para ahli gramatika, ahli linguistik dan para ulama begitu mengambil berat tentang perkataan-perkataan al-Qurān. Mereka begitu cermat dan hati-hati pada menentukan sesuatu perkataan kerana al-Qurān merupakan sumber utama bagi hukum-hukum Allah s.w.t. dan al-Qurān juga merupakan miqyas (neraca) utama bagi kefasihan dan kesahiilan kepada bahasa Arab itu sendiri.

oooooooooooooooooooo

6-3: CONTOH-CONTOH PERKATAAN PINJAMAN DI DALAM AL-QURĀN.

Ulama yang mula-mula sekali menyusun perkataan-perkataan pinjaman yang terdapat di dalam al-Qurān secara berasingan dari perkara lain ialah al-Qādi Tājuddīn bin al-Subkiy, (*wafat tahun 771 h.*). Beliau telah menyebut sebanyak 27 (*dua puluh tujuh*) perkataan. Kemudian diikuti pula oleh Abū al-Fadl Ibn Hajar al-Asqalāniy (*wafat tahun 852 h.*) dengan menambah sebanyak 24 (*dua puluh empat*) perkataan lagi ke atas apa yang telah disebut oleh al-Subkiy. Selepas itu datang pula al-Imām Jalāluddīn al-Sayūtiy (*wafat tahun 991 h.*) dengan menambah lebih daripada 60 (*enam puluh*) perkataan lagi.<sup>(32)</sup>.

Dalam menyebut contoh-contoh perkataan pinjaman di dalam al-Qurān, saya menyusunnya mengikut susunan surah-surah al-Qurān, mulai dari surah al-Fātiḥah hingga surah al-Nās. Perlu disebut bahawa bukanlah semua surah-surah terdapat di dalamnya perkataan pinjaman. Pada akhir bab ini nanti akan disebut nama-nama surah yang tidak terdapat di dalamnya perkataan-perkataan pinjaman.

Dalam menyusun perkara ini nanti mula-mula akan disebut surah, perkataan pinjaman dan nombor ayat, bahasa asal kepada perkataan yang dipinjam dan akhir sekali akan disebut pemakaian makna mengikut bahasa Arab.

Perlu dijelaskan bahawa terdapat setengah daripada perkataan pinjaman itu disebut berulang kali di dalam berbagai surah al-Qurān. Contohnya perkataan الْيَمِين (al-im) disebut 72 (tujuh puluh dua) kali dan perkataan جَهَنَّمُ (jahannam) disebut 77 (tujuh puluh tujuh) kali. Walau pun begitu di dalam senarai contoh-contoh akan disebut sekali sahaja sebagai kenyataan ianya kata pinjaman.

Di antara buku-buku yang menjadi sumber utama kepada perkataan-perkataan pinjaman di dalam al-Qurān ini ialah:-

- 1) Al-Muhadhdhab Fīmā Waga'ā Fi al-Qurān Min al-Mu'arrab, Abū al-Fadl Jalāluddīn 'Abd al-Rahmān Abū Bakr al-Sayūṭiy.
- 2) Al-Itqān Fi 'Ulūm al-Qurān, al-Sayūṭiy.
- 3) Al-Burhān Fi 'Ulūm al-Qurān, al-Imām Badruddīn Muḥammad bin 'Abdullah al-Zarkasyiy.
- 4) Fan al-Tadrīs Li al-Tarbiat al-Dīniyyat Wa Irtibātiha al-Nafsiyyat Wa Āmmatiha al-Sulūkiyat, Muḥammad Ṣāleḥ Samak.

Contoh-contoh perkataan tersebut ialah:-

| Surah                   | Perkataan                          | Bahasa Asal            | Pemakaian Makna Dalam Bahasa Arab.                 |
|-------------------------|------------------------------------|------------------------|--|
| الفاتحة<br>(Al-Fatihah) | الصِّرَاطُ<br>(al-sirāt)<br>ayat 6 | Rum                    | Jalan yang lurus.                                  |
| البقرة<br>(Al-Baqarāt)  | أَلْيَمٌ<br>(alim)<br>ayat 15      | Ibri                   | Tidak terpergi sakitnya.                           |
| سُجْدَةٌ<br>(sujjadan)  | سُجْدَةٌ<br>ayat 58                | Ibri                   | Menjaga kemaslahatan                               |
|                         | حَتَّةٌ<br>(hiṭṭat)<br>ayat 58     | Ibri                   | Taubat dan keampunan.                              |
|                         | شَطَرٌ<br>(syatr)<br>ayat 144      | Siryani                | Khusu <sup>c</sup> dan tawadu <sup>c</sup> .       |
|                         | صِرْهُنْ<br>(ṣirhunn)<br>ayat 260  | Rūm<br>Nabti<br>Habsyi | Hancur leburkan dia.                               |
|                         | فَوْمٌ<br>(fūm)<br>ayat 61         | Ibri                   | Biji gandung atau semua bijian yang boleh dimakan. |
|                         | الْقَيْوُمُ<br>(al-qayyūm)         | Siryani                | Yang kekal selama-lamanya pada mentadbir sesuatu.  |
|                         | هُودٌ<br>(hūdān)<br>ayat 111       | Farsi                  | Orang Yahudi yang berugama dengan Taurat.          |

|                                       |  |                 |  |
|---------------------------------------|--|-----------------|--|
| <b>آل عمران</b><br>(Āli-Imrān)        | <b>إِسْرِيْيٌ</b><br>(isriy)<br>ayat 81        | Nabti           | Janjiku atau dosaku.   |
|                                       | <b>دِينَارٌ</b><br>(dinar)<br>ayat 75          | Farsi           | Sejenis mata wang.   |
|                                       | <b>رَبِّيْيُونَ</b><br>(ribbiyyūn)<br>ayat 146 | Siryani         | Orang-orang yang taat kepada Allah.  |
|                                       | <b>رَبٌّ</b><br>(rabb)<br>ayat 35              | Ibri<br>Siryani | Berbeza-beza maknanya setengahnya dengan makna maha besar. Yang memiliki dan makna tuan. |
| <b>النِّسَاءُ</b><br>(Al-Nisā')       | <b>رَمْزًا</b><br>(ramzā)<br>ayat 41           | Ibri            | Isyarat dengan dua bibir, mata atau kening atau semata-mata bergerak.                    |
|                                       | <b>قِنْطَارٌ</b><br>(qintār)<br>ayat 57        | Rum             | Timbangan yang dikadarkan dengan berat yang khusus.                                      |
|                                       | <b>الْجِبْتُ</b><br>(al-jibt)<br>ayat 51       | Habsyi          | Yang disembah selain daripada Allah seperti ahli sihir dan tukang tilik.                 |
|                                       | <b>جَهَنَّمُ</b><br>(jahannam)<br>ayat 93      | Farsi<br>Ibri   | Tempat tinggal yang azab diakhirat dinamakan Dar al-Bawwar                               |
| <b>الْحُبَّةُ</b><br>(hūbā)<br>ayat 2 |  | Habsyi          | Kebinasaan, bala, dosa dan kezaliman.  |
|                                       | <b>الْطَّاغِيْتُ</b><br>(al-tāghut)<br>ayat 51 | Habsyi          | Berhala dan apa yang disembah selain dari Allah.   |

|                             |   |                 |  |
|-----------------------------|---|-----------------|--|
| الْمَائِدَة<br>(Al-Mā'idah) | الرَّبَّانِيُّونَ<br>(al-rabbān-iyyūn)<br>ayat 44 | Siryani         | Mereka yang mengenal Allah s.w.t.                  |
| الْأَنْعَام<br>(Al-An'aam)  | الْأَزَرُ<br>(āzar)<br>ayat 74                    | Ibrani          | Yang tempang.                                      |
|                             | دَارَسْتَ<br>(dārast)<br>ayat 105                 | Ibrani          | Tempat belajar yang bercampor dengan dosa.         |
|                             | قَرَاطِيسٌ<br>(qarātīs)<br>ayat 91                | Habsyi          | Kertas helai yang kosong.                          |
| الْأَنْرَاف<br>(Al-A'rāf)   | الْأَخْلَادُ<br>(akhlad)<br>ayat 176              | Ibrani          | Cenderong kepada nikmat dunia.                     |
|                             | أَشْبَاطًا<br>(asbātā)<br>ayat 160                | Ibrani          | Anak cucu.   |
|                             | طَفْقًا<br>(ṭafiqā)<br>ayat 22                    | Rum             | Mula mengambil atau menjadi.                       |
|                             | الْقِسْطُ<br>(al-qist)<br>ayat 29                 | Rum             | Keadilan atau timbangan.                           |
|                             | الْقُمَّلُ<br>(al-qummāl)<br>ayat 133             | Ibri<br>Siryani | Bubuk beras atau anak belalang.                    |
|                             | هُدْنَاءٌ<br>(hudnā)<br>ayat 166                  | Ibri            | Kami telah bertaubat dan kembali kepada kebenaran. |

|                   |   |                |   |
|-------------------|---|----------------|---|
|                   | <b>بَنْتٌ</b><br>(iblā'i)<br>ayat 8           | Nabti          | Kaum keluarga atau perjanjian.  |
| هُدُّوْن<br>(Hūd) | <b>ابْلَعِنْ</b><br>(iblā'u)n<br>ayat 44      | Habsyi         | Telanlah.   |
|                   | <b>أَوَّاهٌ</b><br>(awwāh)<br>ayat 75         | Habsyi<br>Ibri | Orang yang kembali kepada Allah dengan sebab mengingati dosanya.            |
|                   | <b>الْتَّنَّورُ</b><br>(al-tannūr)<br>ayat 40 | Farsi          | Dapur untuk memasak roti atau permukaan tanah dan tempat air yang memancar. |
|                   | <b>سِجِيلٌ</b><br>(sijjil)<br>ayat 82         | Farsi          | Sejenis tanah yang dibakar keras.   |
|                   | <b>غَيْضٌ</b><br>(ghid)<br>ayat 44            | Habsyi         | Sedikit atau kurang   |
| يُوسُف<br>(Yūsuf) | <b>بَعَيرٌ</b><br>(ba'īr)<br>ayat 65          | Ibri           | Seekor unta   |
|                   | <b>سَيِّدٌ</b><br>(sayyid)<br>ayat 25         | Qibti          | Kekuasaan atau pemerintahan.  |
|                   | <b>مَتَّكَدٌ</b><br>(muttakād)<br>ayat 31     | Habsyi         | Makanan atau benda yang dibuat tongkat dengannya atau majlis makan.         |

|              |  |                  |   |
|--------------|--|------------------|---|
|              | <b>مُزْجَةٌ</b><br>(muzjāt)<br>ayat 18           | Qibti<br>Farsi   | Sedikit yang buruk<br>lagi hina.                      |
|              | <b>هَيْثَ</b><br>(haita)<br>ayat 23              | Qibti<br>Siryani | Cepatlah.   |
| الرَّبْد     | <b>طُوبَىٰ</b><br>(tūba)<br>ayat 29              | Hindi<br>Habsyi  | Bahagialah  |
| النَّحْل     | <b>سَكَرَا</b><br>(sakaran)<br>ayat 67           | Habsyi           | Arak  |
| الْإِسْرَاءُ | <b>تَثْبِيرًا</b><br>(tatbira)<br>ayat 71        | Nabti            | Binasa atau hancur<br>lebur                           |
| الْكَهْفُ    | <b>سُرَادِقٌ</b><br>(surādiq)<br>ayat 29         | Farsi            | Khemah  |
|              | <b>الْفِرْدَوْسُ</b><br>(al-firdaus)<br>ayat 107 | Rūm<br>Nabti     | Taman atau kebun                                      |
|              | <b>كَنْزٌ</b><br>(kanz)<br>ayat 82               | Rum              | Harta khazanah  |
|              | <b>وَرَاءٌ</b><br>(warā')<br>ayat 79             | Nabti            | Di sekeliling atau<br>di belakang atau di-<br>hadapan |
| مَرْيَمُ     | <b>تَحْتَهَا</b><br>(tahtahā)<br>ayat 24         | Nabti            | Di bawahya.   |

|                                |   |                            |   |
|--------------------------------|---|----------------------------|---|
|                                | <b>سَرِيَّا</b><br>(sariyyā)<br>ayat 24     | Siryani<br>Nabti<br>Yunani | Anak sungai.  |
|                                | <b>عَدْن</b><br>(adn)<br>ayat 31            | Siryani<br>Rum             | Tempat tinggal di-syurga.   |
| طَهٌ<br>(Tāhā)                 | <b>طَهٌ</b><br>(tāhā)<br>ayat 1             | Habsyi<br>Nabti            | Di tafsirkan sebagai kata seruan bagi orang yang meletakkan sebelah kaki ke tanah |
|                                | <b>طَوَّ</b><br>(tuwā)<br>ayat 12           | Iibri                      | Nama sebuah tanah lembah.   |
|                                | <b>الْيَمْ</b><br>(al-yamm)<br>ayat 39      | Iibri<br>Siryani<br>Qibti  | Laut.   |
| الْأَنْبِيَاءُ<br>(Al-Anbiyā') | <b>حَصَابٌ</b><br>(hasab)<br>ayat 98        | Zanji                      | Batu-batu dan bahan bakar yang dilempar ke dalam neraka.                          |
|                                | <b>حَرَامٌ</b><br>(harām)<br>ayat 95        | Habsyi                     | Tegahan.  |
| الْحَجَّ<br>(Al-Hajj)          | <b>بَيْعٌ</b><br>(biya'un)<br>ayat 40       | Habsyi                     | Tempat ibadat kaum Nasrani.   |
|                                | <b>صَلَوَاتٍ</b><br>(salawāt)<br>ayat 40    | Iibri                      | Rumah-rumah ibadat atau tempat sembahyang.  |
|                                | <b>الْمَاجُوسُ</b><br>(al-majūs)<br>ayat 17 | Farsi                      | Seorang lelaki kecil.   |

|  |  |                  |   |
|--|--|------------------|---|
| <b>الْمُفْعِنُونَ</b><br>(Al-Mu'minūn) | <b>طُورْسَيْنَا،</b><br>(tūrisainā)<br>ayat 20 | Habsyi           | Bukit Tursiana.   |
| <b>النُّورُ</b><br>(Al-Nūr)            | <b>دُرْرٍ</b><br>(durriyy)                     | Habsyi           | Cahaya bersinar.  |
|  | <b>مِشْكَانٌ</b><br>(misykāt)                  | Habsyi           | Lubang di dinding<br>untuk meletak<br>lampu.  |
| <b>الْفُرْقَانَ</b><br>(Al-Furqān)     | <b>هَوْنَا</b><br>(haunā)                      | Ibri<br>Siryani  | Sopan santun  |
| <b>الشُّعْرَاءُ</b><br>(Al-Syu'arā')   | <b>عَبَدَتْ</b><br>(‘abbadtt)                  | Nabti            | Engkau telah memper-<br>hambakan.   |
|  | <b>الْقِسْطَاسُ</b><br>(al-qistās)             | Rum              | Timbangan yang tepat<br>dan adil.   |
| <b>الْقَصَصُ</b><br>(Al-Qasas)         | <b>الْأُولَى</b><br>(al-’ulā)                  | Qibti            | Di dunia.   |
|  | <b>الْآخِرَةُ</b><br>(al-ākhirat)              | Qibti            | Di akhirat hari<br>pembalasan.  |
|  | <b>الظُّرُورُ</b><br>(al-tur)                  | Nabti<br>Siryani | Bukit yang Allah<br>tajalli kepada Nabi<br>Musa a.s.                                  |
| <b>الرُّومُ</b><br>(Al-Rūm)            | <b>الْأَرْوَمُ</b><br>(al-rūm)                 | Farsi            | Satu qabilah yang<br>besar dari keturunan<br>Rom bin Ajlān bin<br>Yafith bin Nuh a.s. |

|                               |  |         |  |
|-------------------------------|--|---------|--|
| آلْ حَزَابٍ<br>(Al-Ahzāb)     | إِنَّهُ<br>(ināh)<br>ayat 53                       | Barbari | Kemuncak atau masak.                           |
| سَبَا<br>(Saba <sup>3</sup> ) | أَوْسِيٌّ<br>(awwibi)<br>ayat 10                   | Habsyi  | Bertasbih.                                     |
|                               | الْعَرْمٌ<br>(al-‘arim)<br>ayat 16                 | Nabti   | Sekatan yang di buat bekas-bekas.              |
|                               | مِنْسَأَةٌ<br>(minsa <sup>3</sup> atah)<br>ayat 14 | Habsyi  | Tongkat.                                       |
| يَسٌ<br>(Yāsin)               | مَلَكُوتٌ<br>(malakūt)<br>ayat 83                  | Nabti   | Kerajaan atau kekuatan.                        |
|                               | يَسٌ<br>(yāsin)<br>ayat 1                          | Habsyi  | Mengikut bahasa Tay' bermakna wahai manusia.   |
| صٌ<br>(Sād)                   | أَوَّابٌ<br>(awwāb)<br>ayat 17                     | Habsyi  | Orang yang mengingati dosanya serta bertaubat. |
|                               | قِتَّانَا<br>(qittanā)<br>ayat 16                  | Nabti   | Nasib kami atau surat perhitungan kami.        |
|                               | مَنَاسٌ<br>(manāṣ)<br>ayat 3                       | Nabti   | Terselamat atau terlepas.                      |

|                            |   |                  |   |
|----------------------------|---|------------------|---|
| الشُّورى<br>(Al-Syūra)     | مَقَالِيدٍ<br>(maqālid)<br>ayat 12      | Farsi            | Urusan perbandaharaan   |
| الزُّخْرُف<br>(Al-Zukhruf) | يَصِدْ دُونٌ<br>(yasiddūn)<br>ayat 57   | Habsyi           | Mereka enggan atau berpaling lari.  |
| ق<br>(Qāf)                 | الرَّسٰ<br>(al-rass)<br>ayat 12         | Farsi            | Permulaan kepada sesuatu atau perigi yang dibina dengan batu dan ditanam di dalamnya mayat. |
| الْطَّوْر<br>(Al-Tūr)      | الْطَّوْرٌ<br>(al-tūr)<br>ayat 1        | Siryanī<br>Nabṭī | Bukit.  |
| الرَّحْمَن<br>(Al-Rahmān)  | إِسْتَبْرَاقٌ<br>(istabraq)<br>ayat 54  | Farsi            | Kain sutera kasar atau kain sutra yang disalut emas.  |
|                            | آن<br>(ān)<br>ayat 44                   | Barbarī          | Tersangat panas.  |
|                            | بَطَائِنُهَا<br>(batā'inuhā)<br>ayat 54 | Qibti            | Lapisan sebelah dalam pakaian.  |
|                            | الرَّحْمَن<br>(al-rahmān)<br>ayat 1     | Ibri             | Yang banyak memberi rahmat.   |

|  |         |  |
|--|---------|--|
| <b>الْمَرْجَان</b><br>(al-marjān)<br>ayat 22 | Farsi   | Permata marjan yang besar.   |
|  | Ibri    | Cahaya merah mawar.  |
| <b>وَرْدَةٌ</b><br>(wardat)<br>ayat 4        | Farsi   | Permata delima.  |
|  | Nabti   | Piala minuman.   |
| <b>الْكَوَافِعَةُ</b><br>Al-Wāqi‘at          | Ibri    | Tekoh.   |
|  | Nabti   | Dua bahagian dari bahagian nasib.                                    |
| <b>الْحَدِيدُ</b><br>(Al-Hadid)              | Habsyi  | Pokok khurma.  |
|  | Ibri    | Pengikut para nabi atau <i>asfia</i> <sup>3</sup> umat Nabi Isa a.s. |
| <b>الْحَسْرُ</b><br>(Al-Hasyr)               | Nabti   | Kitab-kitab.   |
|  | Siryani |  |
| <b>الْسَّفَرُ</b><br>(Al-Saf)                | Nabti   |  |
|  | Ibri    |  |
| <b>الْجُمُعَةُ</b><br>(Al-Jumu‘at)           | Nabti   |  |
|  | Ibri    |  |

|                                     |  |                |   |
|-------------------------------------|--|----------------|---|
|                                     |  |                |   |
| الْمُزَّمِل<br>al-Muzzam-<br>mil)   | مُنْفَطِر<br>(munfaṭir)                | Habsyi         | Pecah berkecai.   |
|                                     |  |                |   |
|                                     | تَاسِيَة<br>(nāsyi'at)<br>ayat 6       | Habsyi         | Bangun.   |
|                                     |  |                |   |
| الْمُذَثَّثِر<br>1-Muddath-<br>thir | سَقَرٌ<br>(saqar)<br>ayat 26           | Farsi          | Nama satu neraka.   |
|                                     |  |                |   |
|                                     | قَسْوَرَةٌ<br>(qaswarat)<br>ayat 51    | Habsyi         | Singa atau pemuda<br>yang gagah.  |
|                                     |  |                |   |
| الْإِنْسَان<br>(Al-Insān)           | أَلْ رَائِكٍ<br>(al-arā'ik)<br>ayat 13 | Habsyi         | Katil-katil.  |
|                                     |  |                |   |
|                                     | زَنجَبِيلٌ<br>(zanjabīlā)<br>ayat 7    | Farsi          | Halia.  |
|                                     |  |                |   |
|                                     | سُنْدُسٌ<br>(sundus)<br>ayat 20        | Farsi<br>Hindi | Sutra halus.  |
|                                     |  |                |   |
|                                     | سَلَسِيلَةٌ<br>(salsabilā)<br>ayat 18  | Farsi          | Minuman yang amat<br>menghilangkan dahaga<br>atau nama mata air<br>di dalam suyrga. |
|                                     |  |                |   |
|                                     | كَابُورَا<br>(kāpūrā)<br>ayat 5        | Farsi          | Sejenis tumbuhan yang<br>indah cahayanya<br>seakan bunga Kikwa.                     |

|  |   |         |  |
|--|---|---------|--|
| <b>آل نَبَّأ</b><br>Al-Naba <sup>۲</sup> ) | <b>فَسَاقًا</b><br>(ghassāqan)<br>ayat 25 | Turki   | Air danur yang mengalir.   |
| <b>عَبَسَ</b><br>(“Abasa)                  | <b>أَبَنْ</b><br>(abban)<br>ayat 31       | Barbari | Rumput atau tempat ternakkan binatang.                                     |
|  | <b>سَفَرَةٌ</b><br>(safarāt)<br>ayat 15   | Nabti   | Penyalinan Allah untuk hamba-hambanya di Luh Mahfuz.                       |
| <b>الْتَّكْوِيرُ</b><br>(Al-Takwir)        | <b>كُورَت</b><br>(kuwwirat)<br>ayat 1     | Farsi   | Dilengkar dan dilenyapkan.   |
| <b>الْمُطَّافِفَينَ</b><br>(Al-Mutaffifin) | <b>سِجِينٌ</b><br>(sijjin)<br>ayat 7      | Farsi   | Kitab penulisan yang jelas nyata menghitung pun amalan orang yang berdosa. |
|  | <b>مَرْقُومٌ</b><br>(marqūm)<br>ayat 9    | Ibri    | Tulisan yang jelas nyata.  |
|  | <b>مِسْكٌ</b><br>(misk)<br>ayat 27        | Farsi   | Kasturi.   |
| <b>الْإِنْسِيَاقُ</b><br>(Al-Insyiqāq)     | <b>يَهُورُ</b><br>(yahūr)<br>ayat 14      | Habsyi  | Dia pulang atau kembali.   |
| <b>الْغَاهِيَةُ</b><br>(Al-Ghāsiat)        | <b>آنِيَاتٌ</b><br>(āniyat)<br>ayat 5     | Barbari | Panas mengalak.  |

Surah-surah yang tidak terdapat kata pinjaman  
anya ialah seperti berikut:-

Al-Anfāl, Yūnus, Ibrāhīm, al-Hijr, al-Naml,  
Ankabūt, Luqmān, al-Sajdat, Fātir, al-Sāffāt,  
Zumar, Ghafir, Fussilat, al-Dukhān, al-Jāthiat,  
Ahqāf, Muhammād, al-Fath, al-Hujurāt, al-Dhāriyāt,  
Najm, al-Mujādalat, al-Mumtahinat, al-Munāfiqūn,  
Taghābun, al-Talāq, al-Taḥrīm, al-Mulk, al-Qalam,  
Hāqqat, al-Mā'ārij, Nūh, al-Jinn, al-Qiyāmat,  
Mursalat, al-Nāzi'at, al-Infitār, al-Burūj, al-Tāriq,  
Āla, al-Fajr, al-Balad, al-Syams, al-Lail,  
Duha, al-Insyirāh, al-Tīn, al-Ālāq, al-Qadr,  
Bayyinat, al-Zalzalat, al-Ādiyāt, al-Qāri'at,  
Takāthur, al-Āṣr, al-Humazat, al-Fil, Quraisy,  
Mā'un, al-Kawthar, al-Kafirūn, al-Naṣr, al-Masad,  
Ikhlās, al-Falaq, al-Nās.

oooooooooooooooooooo

## NOTA KAKI.

- (1) Yūsuf: 1.
- (2) Lihat al-Syalqāniy, Masādir al-Lughāt, h.35.
- (3) Lihat ibid.
- (4) Lihat ibid.
- (5) Fāṭir: 1.
- (6) Lihat Ibn Manzūr, al-Imām al-Allāmat Abū al-Fadl Jamāluddīn bin Muḥammad al-Mukarram al-Afrīqiy al-Miṣriy, Lisān al-Ārab, Dār al-Sādir, 1968. 5/8.
- (7) Lihat al-Zarkasyiy, al-Imām Badruddīn Muḥammad bin Ḥabīb b. ʿAbdullah, al-Burhān Fi ʿUlūm al-Qurān, Dār Ihyā' al-Kutub, 1975. 1/289.
- (8) Lihat Ibrāhīm Anīs, Dr., Min Asrār al-Lughāt, h.125.
- (9) Lihat al-Zarkasyiy, al-Burhān Fi ʿUlūm al-Qurān, 1/278 dan 279, al-Sayūtiy, al-Muzhīr, 1/268.
- (10) Yūsuf: 3.
- (11) Fussilat: 44.
- (12) Al-Syu'arā': 195.

- 3) Lihat al-Zarkasyiy, al-Burhān Fi 'Ulūm al-Qurān, 1/287 dan 288.
- 4) Lihat ibid, 1/288.
- 5) Lihat ibid, 1/287, Ibrāhīm Anīs, Dr., Min Asrār al-Lughat, h.125.
- 16) Lihat al-Imām al-Syāfi'iy, al-Risālat, Muṣṭafa al-Bābiy Wa Aulāduh, al-Qāhirah, Cetakan Pertama, 1940, h.41 dan 42.
- (17) Lihat al-Sayūṭiy, al-Itqān Fi 'Ulūm al-Qurān, 1/137, al-Zarkasyiy, al-Burhān Fi 'Ulūm al-Qurān, 1/285. al-Tabariy, Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Tabariy, Jāmi' al-Bayān Fi Tafsīr al-Qurān, Dār al-Fikr, 1/7.
- (18) Lihat al-Zarkasyiy, al-Burhān Fi 'Ulūm al-Qurān, 1/228.
- (19) Lihat Ibrāhīm Anīs Dr., Min Asrār al-Lughat, h.126.
- (20) Lihat Muḥammad Ṣāleḥ Samak, Fan al-Tadrīs Li al-Tarbiyat al-Dīniyyat Wa Irtibathā al-Nafsiyyat Wa Ammatihā al-Sulūkiyyat, al-Qāhirah, 1979, h.690.
- (21) Lihat al-Sayūṭiy, al-Itqān Fi 'Ulūm al-Qurān, 1/137.
- (22) Ibrahim: 4.

- (23) Lihat al-Sayūtiy, al-Itqān Fi Ulūm al-Qurān, 1/137.

(24) Lihat al-Zarkasyiy, al-Burhān Fi Ulūm al-Qurān, 1/290.

(25) Lihat ibid.

(26) Lihat ibid, 289.

(27) Yusuf: 2.

(28) Lihat al-Sayūtiy, al-Itqān Fi Ulūm al-Qurān, 1/137.

(29) Lihat 1/138.

(30) Lihat al-Sayūtiy, al-Muhadhdhab Fīmā Wagaṣa Fi al-Qurān Min al-Muṣarrab, Dār al-Kutub al-Ilmiyyat, Lubnan, Cetakan Pertama 1988, h.31.

(31) Lihat al-Zarkasyiy, al-Burhān Fi Ulūm al-Qurān, 1/290.

(32) Lihat al-Sayūtiy, al-Itqān Fi Ulūm al-Qurān, 1/141.

## **PENUTUP**

P E N U T U P

---

Sebagaimana dimaklumi kewujudan kata pinjaman di dalam bahasa Arab bukan merupakan suatu perkara baru, bahkan ianya digunakan sejak zaman silam lagi.

Namun begitu pada masa kini kita lihat banyak usaha yang dibuat oleh pakar-pakar bahasa sama ada dengan cara persendirian atau perkumpulan demi untuk memantapkan lagi kedudukan kata pinjaman dalam penggunaan bahasa Arab. Mereka cuba mengenengahkan semula perkara ini sesuai dengan kehendak semasa. Ini dapat dibuktikan sepetimana yang dilakukan oleh Dewan Bahasa Arab, Mesir di akhir-akhir ini.

Pada anggapan penulis, dengan cara ini akan menjadi sesuatu bahasa itu lebih mantap dan unik dari apa yang telah sedia ada. Bahasa Arab khususnya akan berkembang sebagai salah satu bahasa moden dan pemakaian kata-kata pinjaman ini merupakan salah satu cara ke arahnya.

Kajian disertasi ini walaupun tidak seberapa, merupakan satu usaha dan sumbangan penulis untuk tujuan tersebut.

Penulisan disertasi ini mengandungi enam bab. Rumusan dari setiap bab adalah seperti berikut:-

**Bab 1: Definisi peminjaman .**

Bab ini dikemukakan beberapa definisi-definisi yang

telah dibuat oleh ahli-ahli linguistik bahasa Arab sama ada ahli linguistik silam atau moden.

Beberapa analisis telah dibuat terhadap definisi-definisi tersebut dengan menjelaskan unsur-unsur persamaan dan perbezaan padanya. Hasil dari analisis tersebut dapat dijelaskan perbezaan mereka pada menamakan sesuatu perkataan itu perkataan pinjaman atau tidak disamping kita dapat lihat bagaimana mereka mengklasifikasikan perkataan Arab dari segi peminjaman.

Dari analisis ini juga jelas kepada kita mengenai pandangan mereka sama ada boleh atau tidak dipecahkan perkataan pinjaman itu sebagaimana dilakukan kepada perkataan Arab.

#### Bab 2: Perbezaan peminjaman dengan lain-lain unsur morfologi bahasa Arab.

Supaya peminjaman ini dapat dikenali dengan jelas, maka ianya dibezakan dengan unsur-unsur yang hampir sama dengannya . di antara unsur-unsur yang hampir sama dengannya sama ada dari segi nama atau bentuk ialah dakhīl dan taulīd. Oleh itu bab ini dibahagikan kepada dua fasal.

Fasal pertama: Perbezaan di antara peminjaman dengan dakhīl.

Fasal kedua: Perbezaan di antara peminjaman dengan taulīd.

Di samping menjelaskan unsur-unsur persamaan dan perbezaan serta anasir-anasir bersekali dengan contoh-contohnya pada kedua-dua fasal ini dinyatakan perselisihan pendapat di kalangan ahli linguistik bahasa Arab serta hipotesis-hipotesis mereka, kerana setengah kalangan tidak membezakan di antara unsur-unsur ini.

### Bab 3: Faktor-Faktor berlakunya peminjaman di dalam bahasa Arab.

Bab ini dibahagikan kepada dua fasal. Fasal pertama, sejarah ringkas peminjaman dan fasal kedua, faktor-faktor berlakunya peminjaman.

Dalam fasal pertama, dijelaskan secara ringkas sejarah peminjaman, kerana ianya berkait rapat dengan faktor-faktor berlakunya peminjaman.

Dalam fasal kedua, disebut satu persatu unsur-unsur berlakunya peminjaman seperti faktor pertembungan, faktor keperluan dan faktor terjemahan, setiap faktor ini diuraikan secara terperinci bersekali dengan contoh-contohnya.

### Bab 4: Cara-cara melakukan peminjaman dan syarat-syaratnya.

Bab ini dibahagikan kepada dua fasal. Fasal pertama, cara-cara melakukan peminjaman, ianya dilakukan melalui beberapa cara seperti berikut:

- a) Dengan cara tidak diubahkan perkataan pinjaman tersebut dan dikenal dalam bentuk asalnya.
  - b) Dikenal dalam bentuk asalnya serta dikiaskan dengan perkataan Arab.
  - c) Diubah dari bentuk asal serta dihubungkaitkan dengan perkataan Arab.
  - d) Diubah dari bentuk asalnya tetapi tidak dihubungkaitkan dengan perkataan Arab.
- Semua unsur-unsur di atas diuraikan secara terperinci disertakan dengan contoh-contohnya.

Untuk mengakhiri fasal ini dibuat beberapa analisis mengenainya.

Fasal kedua; Syarat-syarat peminjaman. Fasal ini dibahagikan kepada dua ceraian.

Ceraian pertama; Syarat-syarat peminjaman di kalangan ahli linguistik silam. Mereka terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan yang tidak meletakkan syarat-syarat yang tertentu dan golongan yang meletakkan syarat-syarat yang tertentu.

Ceraian kedua; Syarat-syarat peminjaman di kalangan ahli-ahli linguistik moden. Mereka ini terbahagi kepada tiga golongan.

Pertama: Golongan yang berpendapat bahasa Arab tidak memerlukan kepada peminjaman.

Kedua: Golongan yang berpendapat, harus melakukan peminjaman tetapi tidak perlu diletakkan apa-apa syarat padanya.

Ketiga: Golongan yang berpendapat sederhana dan syarat-syarat yang diletakkan oleh mereka.

Huraian kepada setiap golongan ini dijelaskan dengan hujah-hujah mereka serta disebut syarat-syarat yang diletakkan oleh mereka dan contoh-contohnya.

#### Bab 5: Cara-cara mengenali kata pinjaman.

Kajian bab ini menjelaskan cara-cara untuk mengenali kata pinjaman dengan terperinci dan disertakan dengan contoh-contohnya.

Di antara cara tersebut ialah:-

- a) Melalui kajian sejarah.
- b) Berpandukan kepada wazan ḥarfi bahasa Arab.
- c) Dengan menggunakan cara *isytiqāq* (derivasi).
- d) Melalui kajian kemasyarakatan.
- e) Melalui kedudukan susunan huruf sesuatu perkataan.
- f) Melalui cara perbandingan dengan sesuatu bahasa lain.

#### Bab 6: Peminjaman di dalam al-Qur'an.

Kajian bab ini di mulakan dengan sebab-sebab berlakunya peminjaman ke dalam al-Qur'an, kemudian disusuli dengan perbezaan pendapat serta hipotesis-hipotesis para ulama dan ahli-ahli linguistik bahasa Arab mengenai berlaku atau tidaknya peminjaman di

dalam al-Qurān. Di akhir bab ini disusun contoh-contoh kata-kata pinjaman yang terdapat di dalam al-Qurān dengan disebut bahasa asal kepada setiap perkataan dan diterjemahkan perkataan-perkataan tersebut ke dalam bahasa Malaysia.

oooooooooooooooooooo